

**TITAH UCAPAN  
DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DI-PERTUAN BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
DI ISTIADAT PERSIDANGAN KEDUA (PERASMIAN)  
PENGKAL PERTAMA,  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14  
PADA 24 SEPTEMBER 2018**

**Bismillahir Rahmanir Rahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sekalian.**

1. Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya jua, Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-14 pada pagi ini. Beta juga bersyukur dengan kehadiran Orang Kaya Beta dan Tunku Besar Tampin.

### **Pendahuluan**

2. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan kehendak dan izin-Nya jua, Beta dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk melaksanakan amanah bagi menaungi dan memayungi negeri tercinta ini. Beta juga menzahirkan kesyukuran kerana seluruh rakyat negeri ini dapat terus menikmati keharmonian, keselamatan dan keamanan.

3. Pilihan Raya Umum Ke-14 telah pun berlalu dan dilaksanakan dengan lancar serta dalam suasana yang aman. Beta menghargai peranan yang telah dimainkan oleh semua pihak dalam memastikan kelancaran pilihan raya ini.

## **Mandat dan Harapan Rakyat**

4. Akhir-akhir ini rakyat Malaysia telah didedahkan dengan berita-berita yang berlaku dalam negara ini mengenai salah guna kuasa dan penyelewengan yang ekstrem yang boleh memusnahkan negara. Hampir setiap hari pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan membongkar berita-berita ini satu demi satu. Apa yang mengecewakan ialah salah guna kuasa dan penyelewengan ini telah berlaku sekian lama tanpa tindakan berkesan yang boleh diambil oleh mana-mana pihak. Beta bersyukur Pilihanraya Umum Ke-14 ini telah mencatat sejarah hasil demokrasi yang diamalkan negara: hanya apabila rakyat telah bersuara melalui pilihanraya ini, tindakan yang sepatutnya dibuat awal-awal lagi ke atas salah guna kuasa dan penyelewengan tersebut dapat dimulakan.

5. Beta menyeru agar perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi sampai bila-bila. Prinsip *check and balance* perlu wujud dalam jentera pentadbiran kerajaan untuk memastikan negara bebas daripada sebarang salah laku. Semua wakil rakyat, agensi penguatkuasa dan kakitangan awam hendaklah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti dan akauntabiliti tanpa ada agenda kepentingan peribadi.

6. Tahniah khususnya kepada Menteri Besar, Haji Aminuddin bin Harun yang mengetuai kepimpinan Kerajaan pada masa kini. Mandat yang diberikan merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dengan berkesan. Beta berharap semua Wakil Rakyat dapat bersama-sama menggembelng tenaga dan buah fikiran bagi memajukan negeri ini.

7. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kepimpinan pentadbiran negeri terdahulu yang telah membolehkan peralihan kuasa berjalan dengan penuh harmoni. Justeru, suasana muhibah yang telah wujud perlu terus dipelihara agar negeri ini bertambah maju serta kekal menjadi kebanggaan generasi akan datang.

### **Keadaan Semasa Negeri Sembilan**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

8. Beta menyeru agar Kerajaan melaksanakan pembangunan yang dapat dinikmati oleh rakyat dalam pelbagai aspek. Teras kepada pembangunan Negeri Sembilan adalah mengutamakan kesejahteraan rakyat. Inilah pegangan yang menjadi asas setiap agenda perancangan, dasar dan pelaksanaan Kerajaan Beta.

9. Beta telah disembang maklum, Kerajaan telah menyusun pelbagai agenda pembangunan negeri. Merealisasikan pembangunan ini memerlukan komitmen semua Ahli Dewan untuk berkhidmat dengan penuh amanah, ikhlas dan bersungguh-sungguh dengan mengutamakan kepentingan rakyat dalam memberi pendapat dan idea. Beta juga menyeru agar semua penjawat awam dan seluruh rakyat melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan bagi memastikan pembangunan negeri dapat dirasai dan menghasilkan impak terbaik untuk setiap lapisan masyarakat.

## **Prestasi Ekonomi dan Kewangan Negeri**

10. Sejak beberapa tahun yang lalu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sembilan telah berkembang dengan kadar purata sebanyak 3.7% setahun. Dalam tempoh lima tahun, KDNK Negeri Sembilan telah meningkat daripada RM33.9 bilion pada tahun 2012 kepada RM40.7 bilion pada tahun 2017 dan ini telah menyumbang sebanyak 3.5% kepada KNDK negara.

11. Sungguhpun demikian perlu diingat bahawa ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi boleh menjejaskan pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat Beta. Kebergantungan kepada hanya satu sektor sebagai sumber utama ekonomi boleh menggugat kestabilan sesebuah negara sekiranya berlaku kemerosotan dalam sektor berkenaan. Sektor perindustrian sebagai contoh adalah yang paling terkesan akibat ketidaktentuan ekonomi. Justeru, Beta berasa amat sukacita kerana Kerajaan Beta telah mengambil pendekatan yang berkesan untuk mempelbagaikan sektor lain sebagai penyumbang kemajuan ekonomi seperti perhotelan, peruncitan, perbankan, pengangkutan dan logistik.

12. Dari segi penyertaan pelabur pula, Kerajaan Beta mengamalkan dasar terbuka dan mesra pelabur. Sehingga kini, Negeri Sembilan terus menjadi destinasi pilihan pelabur. Beta berharap penyertaan pelabur dapat dipertingkatkan dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang kondusif dan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap serta berintegriti oleh semua agensi Kerajaan.

13. Pengurusan kewangan Kerajaan juga adalah penting dalam memajukan negeri. Beta berasa sukacita apabila Kerajaan Beta berjaya mencatatkan lebih dalam prestasi kewangan tahun 2017 berjumlah RM26.31 juta. Selain itu, Beta juga berasa sukacita dan bersyukur apabila jumlah kutipan zakat sentiasa meningkat setiap tahun. Pada tahun 2017, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM120 juta, meningkat sebanyak 20% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak RM100 juta. Kutipan ini membolehkan Kerajaan membantu meringankan beban golongan asnaf di negeri ini.

14. Kejayaan-kejayaan yang Beta lafazkan sebentar tadi adalah hasil komitmen yang konsisten dan fokus yang berterusan daripada semua pihak. Komitmen dan fokus ini perlu terus dihayati agar kesinambungan kejayaan dapat dikekalkan. Untuk memastikan semua golongan masyarakat dapat menikmati kejayaan ini, amalan bantu-membantu haruslah diterapkan di kalangan rakyat. Individu yang telah berjaya, hendaklah membantu mereka yang kurang bernasib baik kerana ini akan memastikan kesenangan dan kejayaan yang perolehi dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

## **Kebajikan Rakyat**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

15. Beta sedia maklum bahawa Kerajaan telah berusaha merangka dan melaksanakan pelbagai skim bagi membantu rakyat. Bantuan-bantuan yang diberi kepada rakyat yang miskin dan yang memerlukan telah meringankan beban mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan dengan matlamat supaya kekayaan negeri ini dikongsi dan diagihkan seadil-adilnya kepada rakyat Beta melalui Dasar Jaringan Keselamatan Sosial.

16. Melalui program-program yang telah dirangka di bawah dasar ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.13 bilion bagi tempoh 2008 hingga 2017 yang melibatkan seramai 1.27 juta penerima. Beta percaya dengan jumlah perbelanjaan tersebut, rakyat telah mendapat manfaat hasil kekayaan negeri ini. Beta juga telah disembang maklum bahawa pelaksanaan dasar ini merangkumi aspek modal insan, pemeliharaan kebajikan rakyat, bantuan kesihatan dan program sokongan ekonomi kepada rakyat.

17. Beta mahu supaya kejayaan melaksanakan program dan projek yang telah dirangka melalui dasar Jaringan Keselamatan Sosial ini diteruskan dan diperluaskan lagi skop pelaksanaannya.

Dasar ini telah memberikan kebaikan dalam usaha meningkatkan kebajikan kepada rakyat. Beta berharap usaha ini akan membantu meringankan beban rakyat dan mengurangkan jurang pendapatan di kalangan rakyat. Pada masa yang sama, Beta ingin melihat rakyat

terlibat aktif dalam semua aktiviti ekonomi. Dengan cara ini, kemakmuran ekonomi di Negeri Sembilan akan dapat dikecapi oleh rakyat keseluruhannya.

### **Pembangunan Seimbang dan Berintegriti**

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

18. Kemajuan sesebuah negeri bukan hanya berdasarkan kepada kepesatan pembangunan di kawasan bandar sahaja sebaliknya setiap aspek berkaitan dengan pembangunan dan kemajuan seharusnya merangkumi kawasan-kawasan di luar bandar serta pedalaman supaya kemajuan negeri adalah seimbang dan saksama. Sehubungan itu, peruntukan yang mencukupi dan usaha yang berterusan hendaklah dilaksanakan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur, pembangunan tanah terbiar dan sektor pertanian di kawasan luar bandar.

19. Selain daripada itu, Kerajaan juga harus memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi khususnya kemudahan internet berkelajuan tinggi. Pelaburan dalam teknologi jalur lebar seperti ini akan mendatangkan manfaat keilmuan serta manfaat ekonomi kepada rakyat. Pada masa ini, usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam menyediakan rangkaian kemudahan internet berkelajuan tinggi adalah baik dan boleh diperluaskan lagi.

20. Beta juga berpandangan bahawa aspek lain yang perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan adalah pelaburan dalam bidang



pendidikan, penyelidikan dan kesihatan. Pelaburan yang telah dilaksanakan dalam bidang ini adalah usaha wajar dan pintar oleh Kerajaan dalam mempersiapkan negeri pada masa hadapan. Perhatian dan galakan Kerajaan dalam hal ini akan mendorong penemuan dan inovasi yang mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat.

21. Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya adalah tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan mutu dan produktiviti pertanian merangkumi sektor tanaman makanan, perikanan dan penternakan. Usaha-usaha ini akan dapat menambah pengeluaran hasil pertanian yang sekali gus mendorong kepada jaminan bekalan dan kestabilan harga.

22. Melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang dan akan dilaksanakan ini, Beta yakin masyarakat luar bandar akan hidup dengan lebih selesa dan dapat mengurangkan mobiliti penduduk ke bandar-bandar.

23. Dalam menerjemah program dan projek yang telah dirangka, Beta ingin menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik dalam pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan, di mana pandangan rakyat turut diambil kira. Oleh itu, proses perundingan awam perlu diperbanyakkan dalam mencapai setiap keputusan dan pelaksanaan kerangka utama pembangunan negeri. Jauhkanlah sikap menjalankan program atau projek semata-mata untuk golongan tertentu sahaja sehingga mengetepikan kepentingan rakyat jelata. Pemimpin yang dipilih oleh rakyat seharusnya menyumbang secara aktif kepada pembangunan masyarakat dan ini sewajarnya menjadi kebiasaan di Negeri Sembilan. Beta amat menyokong usaha kerajaan Negeri Sembilan dalam bekerjasama dengan masyarakat untuk mencapai objektif bersama. Kerajaan negeri Beta harus berusaha

menggembeleng setiap kepakaran yang ada pada semua pihak dalam objektif memajukan Negeri Sembilan.

### **Pemeriksaan Agama Islam**

24. Sebagai Ketua Agama Negeri, Beta mahu pentadbiran Kerajaan memberikan perhatian serius terhadap usaha meningkatkan kualiti hidup umat Islam. Bagi memajukan umat, bidang pendidikan dan ekonomi mesti diberikan keutamaan. Kekuatan dalam dua bidang ini adalah benteng sebenar mempertahankan akidah dan maruah umat Islam.

25. Beta yakin Kerajaan akan memartabatkan lagi Agama Islam dan umat Islam di negeri ini menerusi gerak kerja yang profesional yang tentunya akan dapat menangkis sebarang fitnah dan tuduhan jahat sekali gus membuktikan kemampuan sebenar sistem Islam sebagai Ad-din. Perhatian serius kepada usaha memajukan umat Islam ini tidak sesekali menjadi alasan untuk mengabaikan atau meminggirkan rakyat Beta yang lain. Malah kemajuan umat Islam selaku golongan majoriti di negeri ini mampu memberikan kesan positif kepada negeri dan seluruh rakyat.

### **Penutup**

**Ahli-Ahli Dewan Sekalian,**

26. Dalam masyarakat majmuk berbilang bangsa seperti negara ini, setiap kaum akan sememangnya sentiasa menjaga kepentingan kaum sendiri terutamanya dari sudut agama dan budaya. Namun demikian,

dalam masa yang sama, Beta menyeru agar semua kaum turut prihatin dan memahami kehendak serta kepentingan kaum-kaum lain. Hanya dengan cara ini, masyarakat majmuk dapat hidup bermasyarakat dalam keadaan harmoni, hormat-menghormati dan bersatu-padu.

27. Beta juga ingin mengingatkan Ahli-Ahli Dewan bahawa rakyat telah memberi mandat dan menaikkan martabat kamu sehingga bergelar Yang Berhormat. Oleh itu, bawalah gelaran Yang Berhormat ini dengan menjadi pemimpin yang beramanah tinggi, bermaruah tinggi dan berpendirian tinggi, seperti yang sering beta titahkan iaitu *persons of honour*.

28. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli-Ahli Dewan untuk memimpin dan membimbing rakyat agar sama-sama bersedia bergerak seiring membina sebuah negeri dan negara yang teguh bersatu, sejahtera dan makmur. Kamu semua sentiasa diperhati dan dinilai oleh rakyat. Oleh yang demikian, sepanjang sidang ini berlangsung, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan intelektual atas perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama. Berpeganglah kepada prinsip mendahulukan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri dalam setiap hujah yang disampaikan. Jadikanlah Dewan ini sebagai medium untuk mengeratkan perpaduan rakyat dan memajukan negeri agar rakyat terus bermuafakat dan negeri terus sejahtera.

29. Akhir titah, Beta menyeru semua Ahli Dewan agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-Undang Tubuh Kerajaan

Negeri Sembilan di samping mematuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan.

30. Beta dan Tunku Ampuan Besar sentiasa berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat Beta untuk terus dilimpahi kemakmuran yang berkekalan.

Dengan lafaz suci **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, Beta merasmikan Pembukaan Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri ke-14.

Sekian.

*Wabillahitaufik    Walhidayah    Wassalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*